

# Program Seiring Bersama Masyarakat 1UMS Dapat Sambutan Menggalakan Masyarakat Daerah Keningau

Oleh: Salbinous Saribun

Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranan penting sebagai pendokong utama pembangunan pendidikan di Negeri Sabah. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan berbentuk penyebaran maklumat dan informasi serta pameran-pameran akademik diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan tidak berlaku sebarang keciciran ilmu khususnya di kawasan luar bandar.

Terbaru iaitu pada 9 Mei 2010, UMS telah mengadakan Program Seiring Bersama Masyarakat di Gerakan Daya Wawasan (GDW) Kampung Bayangan Keningau. Program yang berlangsung selama sehari itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan pelbagai pengetahuan kepada penduduk setempat mengenai peluang-peluang pengajian yang disediakan oleh pihak UMS.

Program itu yang dihadiri oleh para pelajar sekolah dan masyarakat berbilang kaum di daerah tersebut diisi dengan pelbagai program menarik. Antaranya termasuklah pameran akademik, persesembahan selebriti Radio UMS KK FM dan persempahan kebudayaan daripada penduduk GDW Kampung Bayangan.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N34 Liawan Keningau. Hadir sama Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Pengerusi GDW Kampung Bayangan Hj. Kaipin Rosmin dan Pegawai-Pegawai Utama UMS.

Terdahulu dalam ucapannya Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman berkata, UMS akan sentiasa menyokong hasrat kerajaan dalam memastikan seluruh masyarakat di negara ini mendapat peluang pendidikan yang sewajarnya.

Katanya, UMS sendiri selaku universiti ke-9 di negara ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan setiap tahun yang

melibatkan seluruh daerah di negeri ini khususnya di kawasan luar bandar.

"Selain aktiviti kemasyarakatan seperti Bakti Siswa, UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) turut mengadakan Program Selangkah Ke Menara Gading (SEMEGA) bagi memberi perkhidmatan bimbingan dan nasihat mengenai peluang-peluang pendidikan yang disediakan di UMS kepada para pelajar dan masyarakat di kawasan pedalaman," tambahnya lagi.

Dalam ucapannya itu, beliau turut mengumumkan pewujudan Kompleks Pusat Asasi Sains UMS di Daerah Keningau yang dijangka akan dibina dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10).

Sementara itu Datuk Hj. Sairin Hj. Karno dalam ucapannya berkata, beliau sangat gembira kerana UMS sentiasa memberi komitmen dalam memastikan penduduk di kawasan pedalaman mendapat maklumat dan informasi mengenai perkembangan dan peluang pendidikan di negara ini.

Katanya, penyebaran ilmu seumpama ini bukana sahaja mampu meningkatkan taraf pendidikan penduduk di kawasan luar bandar tetapi sekaligus mampu melahirkan generasi yang berpegettahan dan berpendidikan tinggi.

Mengenai pembinaan Pusat Asasi Sains di Keningau, Datuk Hj Sairin berkata, pewujudan Kampus UMS di daerah tersebut sememangnya dinanti-nantikan oleh masyarakat di kawasan pedalaman.

"Kita sangat berharap pewujudan kompleks tersebut akan menjadi kenyataan dalam RMK-10 kerana ia merupakan keperluan yang dapat menjana pendidikan di kawasan pedalaman," ujarnya lagi.

Pada majlis itu Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman turut merasmikan Perpustakaan Mini UMS yang dibina khas bagi memberi sumber bacaan dan rujukan ilmiah kepada penduduk GDW Kg Bayangan serta seluruh masyarakat daerah Keningau.

